

# **LISTRIK HATI**

**MENDIDIK ROHANI, MINDA DAN LUHUR BUDI**

# **LISTRIK HATI**

## **MENDIDIK ROHANI, MINDA DAN LUHUR BUDI**

Editor  
Anita Abdul Rani

2020

Penerbit  
Universiti Malaysia Pahang



Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**  
Engineering • Technology • Creativity

Penerbit

Hakcipta © Universiti Malaysia Pahang, 2020  
Cetakan Pertama, Disember 2020

Hakcipta adalah terpelihara  
Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Anita Abdul Rani

Listrik Hati : Mendidik Rohani, Minda & Luhur Budi /

PENYUNTING: ANITA ABDUL RANI.

ISBN 978-967-2226-61-1

1. Educators--Anecdotes.

2. Teachers--Anecdotes.

3. College teachers--Anecdotes.

4. Government publications--Malaysia.

I. Anita Abdul Rani.

808.882

Diterbitkan Oleh

**SUARA UMP**

Penerbit Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang  
Kuantan, Pahang Darul Makmur  
Tel: 09-549 3273  
Faks: 09-549 3218

Urus Cetak

**Perniagaan Tekmakro (JM 0361121 H)**

10, Jalan Perdagangan 16,  
Taman Universiti Industrial Park,  
81300 Skudai, Johor Darul Takzim  
Emel: tekmakro@gmail.com

- i. Pengarah : M. Azli
- ii. Ketua Editor : M. Azli
- iii. Editor : Nana Sab
- iv. Pembaca Pruf : N. Izzati Aisyah
- v. Reka Letak & Reka Kulit : Moses
- vi. Jualan dan Pemasaran : N.H.

## ISI KANDUNGAN

<b>PRAKATA</b>	i
<b>SENARAI PENULIS</b>	iv
<b>INDUKSI LANGKAH BERMULA</b>	1
Haslinda Hashim	
<b>FASILITATOR LAIN DARIPADA YANG</b>	7
<b>LAIN</b>	
Anita Abdul Rani	
<b>MASA ITU EMAS</b>	10
Nabila Abdul Malek	
<b>8 SAAT</b>	14
Khairul Bahri Abdul Samad	
<b>TAHU APA YANG ANDA MAHU</b>	18
Mardhiyyah Zamani	
<b><i>SENSEI</i> DAN SEPATU</b>	22
Syahrina Ahmad	
<b>BELAJAR DAN NIAT</b>	25
Mohamad Himi Mat Said	
<b>KERANA AKU BUKAN SIAPA-SIAPA</b>	29
Amy Zulaikha Mohd Ali	
<b>BUAT KAWAN</b>	34
Ahmad Ibrahim	
<b>BAHASA BUDAYA KITA</b>	38
Jamilah Bebe Mohamad	

<b>BAHAYA JUGA SUBJEK HALAL INI</b>	41
Hasan Ahmad	
<b>MASAMNYA MUKA DIA</b>	48
Noor Raha Mohd Radzuan	
<b>PUAN DAN KASUT <i>WEDGES</i></b>	52
Zuraina Ali	
<b>BOLEH SAYA SALAM PUAN?</b>	58
Haslinda Hashim	
<b>JAM BADAN</b>	60
Ahmad Ibrahim	
<b>EH! BERLAKON KE?</b>	63
Juwairiah Osman	
<b>EPISOD PELAJAR HILANG LAGI</b>	69
Khairul Amri Abdul Aziz	
<b>SAYA JANJI PUAN</b>	75
Anita Abdul Rani	
<b>ALAHAI SI TARBUS MERAH</b>	79
Rosjuliana Hidayu Rosli	
<b>ALAH BISA TEGAL BIASA</b>	82
Fatimah Ali	
<b>TAK KENAL PUN TAK APA</b>	85
Anita Abdul Rani	
<b>SIAPA AWAK?</b>	87
Nabila Abdul Malek	

<b><i>YOU CAN CALL ME 'L'</i></b>	91
Abdullah Adnan Mohamed	
<b>PENALTI</b>	95
Anis Nabilla Ahmad	
<b>DOTA</b>	102
Anita Abdul Rani	
<b><i>LOVE STORY</i></b>	106
Norrihan Sulan	
<b><i>I SURVIVED</i></b>	110
Fatimah Ali	
<b>YANG CANTIK</b>	112
Anita Abdul Rani	
<b>KRIK KRIK</b>	114
Hamizah Zahari	
<b>APPLE</b>	117
Nor Yazi Khamis	
<b>MENDIDIK ANAK BANGSA</b>	122
Rohana Hamzah	
<b>SELIT BAWAH PINTU</b>	128
Anita Abdul Rani	
<b>BEG MALAS</b>	130
Imaduddin Abidin	
<b>SALAM PUAN</b>	135
Anita Abdul Rani	
<b>CIK, SAYA ADA MASALAH</b>	137
Fathiah Izzati Mohamad Fadzillah	

<b>TAK KENAL MAKA TAK CINTA</b>	143
Jamilah Bebe Mohamad	
<b>SAYA <i>TASMI'</i> ESOK BOLEH?</b>	147
Rashidi Abbas	
<b>JANGAN HUKUM DIA</b>	153
Fatmawati Latada	
<b>NENAD NEDELKODJVIK</b>	157
Anita Abdul Rani	
<b>BANTAL SUAM</b>	159
Imaduddin Abidin	
<b>UBAH ANGIN</b>	164
Anita Abdul Rani	
<b>BENDA KE-8 AJAIB DI DUNIA</b>	167
Anita Abdul Rani	
<b>MINAT PUNYA PASAL</b>	170
Hasnah Hussiin	
<b>RASUK</b>	172
Anita Abdul Rani	
<b>KOTAK KALAM</b>	175
Ezihaslinda Ngah	
<b>MARAH TAKKAN KE MANA</b>	182
Fatmawati Latada	
<b>PERGI TAKKAN KEMBALI</b>	185
Hasnah Hussiin	
<b><i>ALIF-LAM-LAM-HA</i></b>	188
Farah Hannan Aminallah	

<b>TARGET SAYA C JE PUAN</b>	193
Fatmawati Latada	
<b>LIVE EXPERIMENT</b>	195
Anita Abdul Rani	
<b>INGAT LAGI PUAN KATA</b>	202
Anita Abdul Rani	
<b>MURUNG</b>	204
Anita Abdul Rani	
<b>MEMAKMURKAN</b>	209
Anita Abdul Rani	
<b>SEPETAH MENTERI BELIA</b>	214
Mohammad Baihaqi Hasni	
<b>BIODATA PENULIS</b>	218



## PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Hati yang hidup ialah hati yang dapat membezakan yang baik dan buruk. Hatinya tenang dapat mengawal diri daripada tewas melakukan kejahatan. Hati yang hidup sentiasa bersangka baik dan mudah dididik. Namun mendidik hati untuk sentiasa hidup bukanlah mudah. Antara tugas pendidik bukan sahaja untuk mengajar ilmu bahkan untuk menghidupkan setiap hati anak didik mereka. Hati pelajar yang tenang semestinya dapat membantu mereka menghadapi cabaran dalam dunia akademik.

Listrik Hati ini merupakan himpunan pengalaman guru-guru dan pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. Pengalaman yang pelbagai bersama penuntut mereka ini amatlah rugi jika tidak didokumentasikan. Usaha mengumpulkan cerita daripada mereka ini telah berjaya menghasil 53 buah cerita yang sangat menarik dan bermanfaat bukan sahaja untuk bacaan pengajar tetapi juga untuk ibu bapa dan pelajar.

Menelusuri semua cerita ini, perasaan bercampur baur seperti lucu, sedih, gembira dan ada juga yang membanggakan. Pelajar-pelajar yang datang daripada pelbagai latar belakang, kadang-kadang menjadi cabaran buat pengajarnya. Bukan sekadar berkongsi pengalaman yang sebenar tapi penulis-penulis juga berkongsi cara bagaimana menangani pelbagai isu dengan pelajar. Cerita-cerita yang digunakan tidak menggunakan nama sebenar pelajar melainkan yang sudah diizinkan.

Terima kasih kepada 30 orang penulis atas usaha kalian. Sesungguhnya inilah pekerjaan yang paling mulia, mendidik hati dan minda pelajar sehingga luhur budi mereka. Ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada anakanda Nur Rusyda Hannah Ismaizam dan Nur Maisarah Ismaizam yang turut membantu kerja-kerja penyuntingan. Pengalaman mereka membaca buku-buku cerita laku keras sangat membantu. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UMP atas geran RDU 160368 sehingga terbitnya buku ini. Semoga bermanfaat dalam menghidupkan hati kita.

**Editor**

Anita Abdul Rani



Sabda Nabi Muhammad SAW:

*“Ketahuilah,*

*sesungguhnya dalam tubuh manusia ada segumpal daging.*

*Apabila ianya baik, maka baiklah seluruh tubuhnya dan*

*Apabila ianya rosak, maka rosaklah seluruh tubuhnya,*

*Ketahuilah bahawa segumpal daging itu adalah hati”.*

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)



## **SENARAI PENULIS**

Dr. Anita Abdul Rani

Dr. Fatimah Ali

Imaduddin Abidin

Haslinda Hashim

PM Dr. Hasan Ahmad

PM Dr. Zuraina Ali

Dr. Noor Raha Mohd Radzuan

Dr. Fatmawati Latada

Dr. Norrihan Sulan

Dr. Nor Yazid Khamis

Dr. Hasnah Hussiin

Dr. Mohamad Hilmi Mat Said

Dr. Rashidi Abbas

Dr. Rohana Hamzah

Ezihaslinda Ngah

Abdullah Adnan Mohamed

Ahmad Ibrahim

Nabila Abdul Malek

Jamilah Bebe Mohamad

Juwairiah Osman

Rosjulina Hidayu Rosli  
Fathiah Izzati Mohamad Fadzillah  
Mardhiyyah Zamani  
Farah Hanan Aminallah  
Syahrina Ahmad  
Khairul Bahri Abdul Samad  
Mohammad Baihaqi Hasni  
Amy Zulaikha Mohd Ali  
Khairul Amri Abdul Aziz  
Hamizah Zahari  
Anis Nabilla Ahmad



# **INDUKSI LANGKAH BERMULA**

**Haslinda Hashim**

Suasana hari pendaftaran panas terik. Kelihatan ibu bapa bersama-sama anak mereka di sana sini. Dari kawasan pendaftaran, fakulti, bangunan akademik dan akhirnya mereka akan ke Kolej Kediaman (KK). Puan Has bertugas sepanjang minggu induksi ketika itu.

Beliau berdiri di depan pagar sambil melihat suasana yang cukup mencerikan dengan telatah ibu bapa yang mengheret beg-beg haji para pelajar. Banyak juga baju yang dibawa pelajar-pelajar ini. Bilik di asrama agak kecil, Puan Has tersenyum. Ada juga ibu yang membawa bantal busuk anaknya dan ada ayah yang membawa baldi penuh dengan barang sedang tercari-cari asrama.

"Maaf mengganggu, saya mencari pegawai yang bertugas di sini," tiba-tiba seorang lelaki dewasa Cina bersuara."Ya saya, tuan. Ada apa-apa yang saya boleh bantu?" Tanya Puan Has. "Oh maaf puan, saya ada beberapa soalan mengenai keadaan asrama," kata lelaki ini sambil mengelap peluhnya. Agaknya baru turun tangga di asrama ini. Getus hati Puan Has. "Saya pengetua asrama ini tuan,